



1. JAWATAN	: JURUTERA KERJA
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Mekanikal / Kejuruteraan Bangunan / Kejuruteraan Struktur / Kejuruteraan Elektrik atau Elektronik atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang-bidang tersebut di atas adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Penerbangan Awam sebagai Jurutera dalam tanggagaji B.2 EB.3 selama tidak kurang dari 5 tahun atau dalam tanggagaji B.2 selama tidak kurang dari 8 tahun .

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam bidang Kejuruteraan yang berkaitan dalam tanggagaji B.2 EB.3 selama tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tanggagaji B.2 selama tidak kurang dari 9 tahun.
2. Mestilah mempunyai kelulusan professional (*Chartered*) iaitu Ahli *Institution of Civil Engineers United Kingdom [MICE] / Institution of Mechanical Engineers [MIMechE]* atau yang setaraf dengannya.
3. Berkebolehan membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUTERA KERJA:

1. Melaporkan diri kepada Pengarah Penerbangan Awam mengenai pengurusan Kejuruteraan dan pemeliharaan Lapangan Terbang.
2. Mengurus dan mentadbir Pegawai dan Kakitangan Bahagian Kejuruteraan dan Pemeliharaan Lapangan Terbang.
3. Merancang perkembangan dan kemajuan kerja-kerja penyelenggaraan dan pemeliharaan infrastruktur lapangan terbang, landskap dan kenderaan termasuk kenderaan Bomba Lapangan Terbang.
4. Memastikan '*Serviceability/availability*' infrastruktur Lapangan Terbang, Landskap dan kenderaan Bomba Lapangan Terbang di atas tahap yang dikehendaki melalui saranan dan peraturan ICAO Annex 14 dan Annex 17.
5. Menyediakan laporan teknikal termasuk laporan bulanan '*Performance infrastruktur*' landskap dan kenderaan.
6. Menyediakan dokumen tawaran dan membuat sokongan penilaian terhadap tawaran berkenaan.
7. Merancang dan mengawasi kerja-kerja dan projek tahunan dan Rancangan Lapangan Terbang demi memenuhi kehendak Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) dan meningkatkan taraf perkhidmatan Jabatan.